

Polis saran masjid, surau, rumah ibadat pasang CCTV

B/HARIAN 26/2/19
M.S 19

Kota Bharu: Semua masjid, surau, gereja dan rumah ibadat di seluruh negara ini disaran memasang kamera litar tertutup (CCTV) bagi membantu pemantauan lebih cekap bagi membendung kegiatan jenayah.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, berkata jika berlaku kegiatan jenayah seperti pecah rumah ibadat, sabotaj atau kecurian, secara tidak langsung polis dapat mengesan individu tidak bertanggungjawab, hasil bantuan kemudahan berkenaan.

Beliau berkata, pemasangan CCTV mungkin membabitkan kos yang tinggi, namun jika ada kemampuan, disarankan menempatkan kemudahan teknologi berkenaan di rumah ibadat.

"Kita juga minta Ketua Polis negeri dan daerah untuk pantau isu (agama) yang membabitkan kemarahan masyarakat," katanya pada sidang media selepas Majlis Istiadat Penganugerahan kepada 174 penerima Pingat Jasa Pahlawan Negara di Hotel Perdana di sini, semalam.

Tiada saksi tampil beri maklumat

Yang turut hadir, Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan.

Mohamad Fuzi berkata, kebanyakan rumah ibadat kini tiada CCTV termasuk Surau Sabilul Huda, Taman Pendamar Indah, Pelabuhan Klang, Selangor.

"Bagi kes menempatkan patung berhala di surau itu, tiada saksi yang tampil dan ini menyukarkan pihak polis untuk mengesan dalangnya dan menyiasat.

"Kita bernasib baik mendapat petunjuk mengesan individu yang bertanggungjawab apabila seorang lelaki ditahan jam 6.15 petang di Klang Selatan semalam (kelmarin)," katanya.

Hadapi masalah mental

Sementara itu, di **Klang**, polis percaya tiga patung berhala di Surau Sabilul Huda, di sini dilakukan oleh seorang lelaki yang mempunyai masalah mental.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Shamsul Amar Ramli, berkata, ia susulan penahanan seorang lelaki berusia 37 tahun di sebuah rumah yang terletak 200 meter dari surau berkenaan.

"Menurut keterangan suspek, dia membawa patung dikenali Datuk Gong dan dua patung kepercayaan Hindu kerana mahu mengajak penganut agama terbabit untuk sembahyang di surau terbabit.

"Suspek juga mendakwa, sering bermimpi melihat Kaabah dikelilingi patung berhala dan percaya perlu bertindak melakukan perkara yang sama di surau berdekatan rumahnya," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Klang Selatan, semalam.

Beliau berkata, suspek mengaku mengambal patung berkenaan di tokong kecil berhadapan sebuah rumah dan tempat pembuangan sampah di sekitar kawasan itu.

"Hasil pemeriksaan ujian saringan awal air kencing mendapati suspek positif dadah jenis methamphetamine," katanya.